



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Sarah jadi mangsa scammer  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 12 June 2020

Language: Malay  
Section: HIP  
Page: 53

# Sarah jadi mangsa scammer

Pelakon drama *Pujaan Hati Kanda* dakwa diri dipukau hingga akur permintaan pemanggil pindahkan wang ke dalam akaun bank

**Pelakon** drama *Pujaan Hati Kanda*, Sarah Hildebrand menanggung kerugian ribuan ringgit selepas menjadi mangsa penipuan dalam talian didalangi beberapa individu menyamar pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan pegawai polis pada Selasa lalu.

Sarah yang masih trauma dengan insiden berkenaan bertindak memuat naik pendedahan menerusi laman Instagram (IG) bagi mengingatkan pengikutnya berhati-hati dan tidak menerima nasib sepertinya.

Berkongsi insiden yang berlaku, pelakon dan pengacara berusia 30 tahun itu berkata, dia seperti dipukau apabila mengikut saja kehendaknya.

"Saya menerima panggilan daripada individu mendakwa pegawai LHDN pada pagi itu. Dia maklumkan saya mempunyai cukai pendapatan tertunggak. *Scammer* bertanya adakah ada individu lain di sisi dan meminta saya tidak menjawab panggilan

di hadapan orang lain.

"Apa yang pelik, saya mengikut kehendaknya. Ia termasuklah apabila *scammer* meminta saya ke bank dan memindahkan sejumlah wang. Saya akur dengan permintaan dan terus memandu ke bank. Saya takut apabila *scammer* mula meninggikan suara dan menyambung panggilan kepada beberapa individu lain yang didakwa pegawai polis.

"Selain mempunyai tunggakan cukai pendapatan, *scammer* mendakwa saya terbabit jenayah pengubahan wang haram. Ia menjadikan saya lebih takut dan mengikut saja kehendak mereka. Saya mula tersedar ditipu selepas meletakkan telefon," katanya kepada *HIP*.

Sarah berkata, selepas teresdar, dia hanya mampu menangis teresak-esak kerana tidak menyangka menjadi mangsa penipuan biarpun banyak kali terdengar sindiket penipuan *scammer*.

Katanya, diamenyalahkandiri

dan menganggap bodoh kerana boleh terjerumus dengan penipuan sedemikian.

"Sebaik saya beritahu suami apa yang berlaku, suami dan ibu meminta saya tidak menyalahkan diri kerana tiada siapa boleh menjangka perkara buruk boleh berlaku.

"Apabila berkongsi kejadian dialami kepada pengikut IG, ramai terkena sindiket penipuan sama. Seperti saya alami, mereka juga dipukau dan akur dengan permintaan *scammer* berkenaan. Nasihat saya, jika ingin menjawab panggilan telefon, pastikan ada seseorang di sisi supaya boleh mendengar perbualan dan dapat menghalang terus melayan *scammer* berkenaan," katanya.

Atas saranan polis, Sarah berkata, dia kini sudah memuat naik aplikasi True Caller dan Semak Penipu daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) supaya dapat menapis panggilan telefon yang diterima.

**Saya hanya menangis, rasa bodoh sangat. Saya menyalahkan diri bagaimana saya boleh melayan orang yang tidak dikenali hingga sanggup memindahkan sejumlah wang kepada mereka.**

*Sarah Hildebrand, Pelakon*

